

04 AUG 2001

MCA-Ling

SAYA AKAN LEPAS JAWATAN JIKA TERBUKTI DAPAT FAEDAH, KATA LING

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata beliau akan melepaskan jawatan sebagai presiden parti jika terbukti beliau mendapat faedah daripada pembelian Nanyang Press Holdings Berhad (NPHB) oleh Huaren Holdings Sdn Bhd, syarikat pelaburan MCA.

Ling menafikan dakwaan yang disebar dalam Internet dalam bentuk "surat layang" bahawa beliau telah memperolehi keuntungan berjuta-juta ringgit hasil daripada pembelian itu.

"Masih ada pihak membuat tuduhan-tuduhan palsu terhadap saya dan keluarga saya mengenai pembelian itu.

"Jikalau ada bukti, terus laporkan pada polis," katanya kepada pemberita selepas perhimpunan agung tahunan MCA ke-48 di sini hari ini.

Sebanyak 1,832 daripada 2,385 delegasi pusat MCA menghadiri perhimpunan selama sehari yang telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Wisma MCA.

Ketika ditanya sama ada beliau telah membuat laporan polis mengenai dakwaan itu kerana fitnah, Ling berkata: "Bagaimana hendak membuat laporan polis, ia ada dalam Internet."

Mengenai Perhimpunan Agung Tahunan MCA hari ini, Ling berkata perwakilan telah memberi sokongan padu kepada penubuhan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dan menyeru semua anggota parti dan masyarakat Cina bekerjasama untuk menjayakannya.

Beliau juga berkata ramai perwakilan mengambil kesempatan untuk menegur pemimpin parti dan apa yang dikemukakan mereka bersifat membina dan bukan berbentuk memusnah.

"Pelbagai teguran dikemukakan selain cadangan perlunya mengadakan kem latihan semua pemimpin parti bagi memupuk semangat kerjasama antara satu sama lain," katanya.

Beliau berkata para perwakilan telah menyentuh mengenai perpaduan di kalangan anggota parti dan menekankan perlunya disiplin sebagai tunggak kepada perpaduan itu.

"Jikalau tidak ada disiplin, jangan sentuh pasal perpaduan kerana disiplin merupakan pokok perpaduan," katanya sambil menjelaskan Majlis Tertinggi akan membincangkan cara-cara bagi membaikpulih parti melalui penekanan terhadap aspek disiplin selepas ini.

-- BERNAMA

AT KHY FAZ